

#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

35
Hari

15
Jam

28
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Sediakan pusat vaksin mega - KJ

Oleh [Muhammad Yusri Muzamir](#) - Februari 23, 2021 @ 10:52pm
yusri.muzamir@bh.com.my



Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin (kanan) ketika melakukan simulasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Kementerian Kesihatan hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan mensasarkan pembinaan pusat vaksinasi mega menjelang Fasa III Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Pembinaan pusat berkenaan dijangka membabitkan pekarangan stadium dan kawasan persidangan di pusat konvensyen di seluruh negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata sasaran itu ditetapkan selepas mengambil kira Fasa III PICK membabitkan jumlah terbesar rakyat, berbanding Fasa I dan II pelaksanaan program itu.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras PICK berkata, sasaran itu antara lain ditetapkan selepas mengambil kira pengalaman dan kemampuan negara luar memberi ribuan suntikan vaksin dalam tempoh sehari.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [COVID-19: Malaysia bakal dapatkan bekalan 12.8 juta dos vaksin](#)
- [Vaksin COVID-19: Dos pertama, kedua jenis vaksin sama - KJ](#)
- [Kakitangan kesihatan, agensi keselamatan, JKM, penerima vaksin fasa pertama](#)
- [CITF kendalikan Program Imunisasi](#)

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 15m [Gempa bumi sederhana gegar utara Laut Maluku, Indonesia](#)
- 20m [Iran didakwa berbohong kes tembakan pesawat Ukraine](#)
- 21m [Tiger Woods kemalangan kereta](#)
- 47m [Sepakan akrobatik Giroud benam Atletico](#)
- 57m [Malaysia laksana program imunisasi COVID-19 hari ini](#)
- 1h [Badan pemantau nuklear PBB 'sangat prihatin' tapak nuklear Iran](#)
- 1h [Bayern belasah Lazio](#)
- 1h [Keputusan Liga Juara-Juara UEFA](#)

WAKSIN



NASIONAL 9 jam yang lepas
[Perolehan vaksin hanya babitkan syarikat pengeluar, kerajaan Pusat](#)



NASIONAL 9 jam yang lepas
[Sasar 150,000 suntikan vaksin fasa ketiga - KJ](#)



NASIONAL 11 jam yang lepas
[Sediakan pusat vaksin mega - KJ](#)



NASIONAL 12 jam yang lepas
[KKM buat penilaian keperluan vaksin bekas pesakit COVID-19](#)



NASIONAL 13 jam yang lepas
[Perlis mula terima vaksin COVID-19 esok](#)



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 6:42pm

COVID-19 Kebangsaan

Bagaimanapun, katanya, persoalan yang wujud ketika ini adalah bekalan vaksin sama ada akan diterima mengikut jadual atau sebaliknya.

"Kita sudah menandatangani perjanjian dengan beberapa syarikat tetapi masih bergantung kepada kapasiti pembuatan di kilang mereka yang berada di luar negara.

"Jika mereka menepati perjanjian, saya percaya dan yakin kita dapat selesai sebelum akhir tahun ini. Satu lagi faktor adalah kelulusan regulatori daripada agensi farmaseutikal Kementerian Kesihatan yang perlu menguji maklumat dan data daripada pengeluar vaksin.

"Mereka perlu berpuas hati yang maklumat disampaikan ini berdasarkan kepada uji kaji dijalankan di luar negara menunjukkan vaksin berkenaan selamat dan berkesan, barulah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) akan beri kelulusan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Bicara Naratif: Vaksin COVID-19 bersama Khairy disiarkan di RTM1, malam ini.

Khairy berkata, sasaran itu turut ditetapkan selepas mengambil kira Fasa III PICK turut berkait dengan jadual penghantaran vaksin paling banyak ke negara ini.

"Kalau kita tengok hari ini ia (penghantaran vaksin) hanya ratusan ribu (dos) sahaja, tetapi menjelang pertengahan tahun dan mulanya Fasa III, penjadualan penghantaran adalah dalam skala jutaan dos yang akan sampai.

"Sebab itu kita perlukan tempat atau pusat pemberian vaksin yang besar untuk kita selesaikan pemberian tanpa perlu disimpan di pusat simpanan," katanya.



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 6:43pm


Vaksin COVID-19 beri harapan pemulihan industri penerbangan

TRENDING

LAIN-LAIN (SUKAN) 22 minit yang lepas



Tiger Woods kemalangan kereta



KES 11 jam yang lepas

SPRM Perak cari Siti Aisyah



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 7:51pm

Pembayaran BPR Fasa I mulai Rabu ini



KES Feb 23, 2021 @ 5:35pm

Suami isteri curi susu formula bayi dicekup



NASIONAL Feb 23, 2021 @ 5:16pm

Ada kumpulan tidak digalakkan ambil vaksin - NPRA

BERITA BERKAITAN



NASIONAL 9 jam yang lepas

Sasar 150,000 suntikan vaksin fasa ketiga - KJ



NASIONAL 9 jam yang lepas

Perolehan vaksin hanya babitkan syarikat pengeluar, kerajaan Pusat



NASIONAL Feb 17, 2021 @ 3:46pm

Kerajaan tetap dasar 'Satu Vaksin, Satu Vaksin Simpanan' - KJ



NASIONAL Feb 22, 2021 @ 8:19pm

PM tinjau persiapan PICK di IKN

Myanmar ships arrive for Malaysia deportees as US...
Nikkei Asia

Kamala Harris Is Selling Her San Francisco Apartment
Mansion Global

[Pics] 23 famous married couples who were high school...
TooCool2BeTrue

[Pics] Most Hilarious Photoshop Edits Are Back!
Parentsdome Galleries

Getting a Degree Online May Have Never Been Easier
Online Degree | Sponso...

Chinese startup sees future in smart trash cans amid pandemic
Nikkei Asia

Myanmar protests set to flare again Monday after bloody weekend
Nikkei Asia

Actor Sylvester Stallone Selling La Quinta, California, Villa ...
Mansion Global



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)